

- viii. Menjalankan pemeriksaan, pemantauan dan bimbingan di semua sekolah yang terpilih untuk menduduki TIMSS pada tahun 2014 dan PISA pada tahun 2015;
- ix. Melaksanakan kajian khususnya yang berkait dengan amalan terbaik yang dapat meningkatkan pencapaian murid Malaysia dalam TIMSS dan PISA;
- x. Menyebarluaskan penerangan TIMSS dan PISA kepada pihak berkepentingan dan orang ramai melalui kempen, buah bicara dan sebagainya dalam pelbagai media;
- xi. KPM akan meningkatkan peratus soalan peperiksaan yang berbentuk kemahiran berfikir aras tinggi dalam SPM dan UPSR;
- xii. KPM juga telah menjalankan jerayawara kepada pentadbir dan guru sains dan matematik sekolah menengah supaya mereka mengetahui format soalan PISA.
- xiii. Murid juga menduduki *Mocktest* PISA dan menggunakan modul yang telah dihasilkan agar mereka biasa dengan format soalan PISA.
- xiv. Sebagai langkah jangka panjang, guru sains dan matematik dilatih untuk mengajar menggunakan kaedah Inkiri dan kaedah penyelesaian masalah yang berkesan untuk meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid.
- xv. Untuk jangka masa panjang, soalan peperiksaan awam seperti UPSR dan SPM akan lebih memberi fokus kepada kemahiran berfikir aras tinggi.